

4

Laporan Ekonomi 2007/2008

Kewangan Sektor Awam



Tinjauan

Dasar fiskal terus menyokong pertumbuhan ekonomi...

Dasar fiskal terus memainkan peranan utama dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2007, sumbangan sektor awam kepada permintaan agregat kekal tinggi sebanyak 24.9% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), sementara sumbangannya kepada pertumbuhan KDNK benar dijangka mencatat 2.4 mata peratusan (2006: 24.0%; 1.6 mata peratusan). Pendekatan dasar fiskal Kerajaan adalah untuk memenuhi keperluan ekonomi dan seiring dengan

matlamat pengurusan makroekonomi yang mantap. Program dan projek yang dilaksanakan akan terus memberi tumpuan kepada merangsang aktiviti yang menyokong sumber pertumbuhan baru, menggalakkan inisiatif sektor swasta, menambah kecekapan ekonomi secara keseluruhan serta meningkatkan kualiti hidup, terutamanya di kalangan golongan berpendapatan rendah. Di samping itu, beberapa langkah turut diambil untuk meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi serta membangunkan modal insan yang mahir, inovatif dan berpengetahuan.

Walaupun perbelanjaan meningkat, Kerajaan kekal komited kepada usaha konsolidasi fiskal dengan mengurus perbelanjaan secara berhemat

JADUAL 4.1

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2006-2008


	RM juta			Perubahan (%)		
	2006	2007 ¹	2008 ²	2006	2007 ¹	2008 ²
Hasil	123,546	141,790	147,093	16.2	14.8	3.7
Perbelanjaan mengurus	107,694	123,873	128,799	10.2	15.0	4.0
Baki semasa	15,852	17,917	18,294	85.2	13.0	2.1
Perbelanjaan pembangunan kasar	35,807	40,870	40,000	17.3	14.1	-2.1
Tolak: Terimaan balik pinjaman	846	3,005	773	-74.0	255.2	-74.3
Perbelanjaan pembangunan bersih	34,961	37,865	39,227	28.1	8.3	3.6
Baki keseluruhan	-19,109	-19,948	-20,933			
% kepada KDNK	-3.3	-3.2	-3.1			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2008.

CARTA 4.1

Kewangan Kerajaan Persekutuan



¹ Anggaran disemak.

² Bajet.

dan meningkatkan prestasi kutipan hasil. Dasar fiskal berhemat akan terus menjadi prinsip utama bagi memberi fleksibiliti dan keupayaan kepada Kerajaan untuk menangani dan bertindak balas ke atas sebarang ketidaktentuan.

Kerajaan Persekutuan

Konsolidasi fiskal berjalan lancar...

Pada tahun 2007, Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit berjumlah RM19,948 juta (2006: RM19,109 juta) atau 3.2% daripada KDNK, seperti di *Jadual 4.1*. Kutipan hasil dijangka meningkat, selaras dengan prestasi ekonomi yang bertambah baik. Pada masa yang sama, perbelanjaan juga dijangka bertambah, sebahagiannya adalah disebabkan oleh pelarasan gaji kakitangan awam mulai Julai 2007 serta pelaksanaan projek pembangunan yang dipercepatkan berikutan penyelarasan yang lebih baik antara agensi.

Hasil

Hasil terus kukuh selaras dengan prestasi ekonomi yang lebih baik...

Hasil Kerajaan Persekutuan dianggar meningkat 14.8% kepada RM141,790 juta atau 22.7% daripada KDNK pada tahun 2007 (2006: 16.2%; RM123,546 juta; 21.6% daripada KDNK), seperti di *Jadual 4.2*, ekoran pertambahan kutipan hasil cukai dan bukan cukai. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh prestasi ekonomi yang lebih baik, harga minyak mentah yang tinggi serta penambahbaikan pengurusan dan penguatkuasaan cukai. Hasil cukai dijangka meningkat 11.0% kepada RM96,196 juta dan menyumbang 67.8% kepada jumlah hasil keseluruhan. Daripada jumlah tersebut, cukai langsung ialah sebanyak RM70,116 juta manakala cukai tidak langsung RM26,080 juta. Komponen utama hasil **cukai langsung** ialah cukai pendapatan syarikat (RM30,821 juta), cukai pendapatan petroleum (RM22,600 juta) dan cukai pendapatan individu (RM12,154 juta). Selain itu, Kerajaan juga dijangka mengutip hasil yang tinggi daripada duti setem (RM3,037

JADUAL 4.2



Hasil Kerajaan Persekutuan 2006-2008

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2006	2007 ¹	2008 ²	2006	2007 ¹	2008 ²	2006	2007 ¹	2008 ²
Hasil cukai	86,630	96,196	101,995	7.5	11.0	6.0	70.1	67.8	69.3
Cukai langsung	61,572	70,116	74,915	15.0	13.9	6.8	49.8	49.5	50.9
antaranya:									
Syarikat	26,477	30,821	34,806	0.4	16.4	12.9	21.4	21.7	23.7
PITA ³	20,674	22,600	22,235	41.9	9.3	-1.6	16.7	15.9	15.1
Individu	10,196	12,154	13,365	17.9	19.2	10.0	8.3	8.6	9.1
Cukai tidak langsung	25,058	26,080	27,080	-7.4	4.1	3.8	20.3	18.4	18.4
antaranya:									
Duti eksais	8,577	8,500	8,800	-8.0	-0.9	3.5	6.9	6.0	6.0
Cukai jualan	6,532	7,144	7,400	-15.3	9.4	3.6	5.3	5.0	5.0
Hasil bukan cukai	36,916	45,594	45,098	43.6	23.5	-1.1	29.9	32.2	30.7
antaranya:									
Lesen/permit	9,212	9,256	9,608	10.6	0.5	3.8	7.5	6.5	6.5
Pendapatan pelaburan	24,794	33,568	32,568	67.0	35.4	-3.0	20.1	23.7	22.1
Jumlah hasil	123,546	141,790	147,093	16.2	14.8	3.7	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	21.6	22.7	21.6						

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2008.³ Cukai Pendapatan Petroleum

CARTA 4.2

Hasil Kerajaan Persekutuan

¹ Anggaran disemak.² Bajet.

juta), cukai keuntungan harta tanah (RPGT) (RM150 juta) dan cukai pendapatan koperasi (RM139 juta).

Cukai tidak langsung adalah sebahagian besarnya disumbangkan oleh duti eksais (RM8,500 juta), cukai jualan (RM7,144 juta) dan cukai perkhidmatan (RM3,300 juta). Di samping itu, cukai tidak langsung juga terdiri daripada duti import (RM2,300 juta), khususnya ke atas kenderaan bermotor dan duti eksport (RM2,500 juta) yang disumbangkan terutamanya oleh petroleum dan produk berkaitan petroleum. Jumlah kutipan cukai tidak langsung dijangka kekal pada paras tahun 2006 terutamanya disebabkan liberalisasi duti import selaras dengan komitmen Kerajaan di bawah perjanjian perdagangan dua hala dan serantau.

Pada tahun 2007, **hasil bukan cukai** dianggarkan berjumlah RM45,594 juta, iaitu peningkatan 23.5% berbanding tahun 2006 dan menyumbang 32.2% kepada jumlah hasil keseluruhan. Punca utama hasil ini ialah dividen Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) (RM24,000 juta) serta lesen dan permit (RM9,256 juta). Komponen utama lesen dan permit ialah royalti petroleum dan cukai jalan. Royalti petroleum menyumbang sebanyak RM4,230 juta dan cukai jalan RM1,683 juta. Sumber hasil bukan cukai yang lain termasuklah terimaan daripada penssekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan (RM5,000 juta) dan dividen Khazanah Nasional Berhad (RM1,000 juta).

Dalam Bajet 2007, beberapa langkah percukaian telah diperkenalkan untuk mengurangkan kos kendalian perniagaan, menambah baik iklim pelaburan negara, memperkukuh daya saing dan merangsang aktiviti ekonomi. Langkah tersebut termasuk mengurangkan cukai pendapatan korporat secara progresif daripada 28% pada tahun 2006 kepada 27% pada tahun 2007 dan seterusnya 26% pada tahun 2008. Di samping itu, Kerajaan juga menubuhkan Tribunal Rayuan Kastam, memperkenalkan Ketetapan Awal bagi pengurusan cukai pendapatan dan Ketetapan Kastam yang bertujuan meningkatkan ketelusan, keyakinan dan pematuhan di kalangan pembayar cukai. Beberapa langkah tambahan juga diperkenalkan pada tahun 2007 untuk merangsang pertumbuhan dalam bidang yang telah dikenal pasti, di antaranya termasuk pemansuhan RPGT dan mengurangkan lagi

cukai jalan untuk beberapa kategori kenderaan. Duti rokok dan produk tembakau telah dinaikkan untuk menggalakkan cara hidup sihat dan mengurangkan tabiat merokok.

Perbelanjaan

Kecekapan dan keberkesanan kekal sebagai fokus perbelanjaan...

Pada keseluruhannya, teras perbelanjaan Kerajaan adalah untuk mewujudkan persekitaran yang mencergaskan aktiviti sektor swasta, meningkatkan keupayaan produktif, meninggikan produktiviti serta meningkatkan kualiti hidup rakyat. Oleh yang demikian, belanjawan Kerajaan memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan kos kendalian perniagaan, menambah baik sistem penyampaian, membangunkan modal insan serta menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam. Program pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan telah diberi peruntukan besar untuk melaksanakan projek Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, geran turut diberi kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk tujuan sama.

Untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan, garis panduan telah dikeluarkan pada bulan Mei 2007 kepada semua kementerian, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan mengenai syarat perlanjutan kerja-kerja kontrak. Garis panduan ini akan memastikan projek yang dilaksanakan benar-benar mematuhi jadual kontrak yang telah dipersetujui bersama. Perlanjutan tempoh pelaksanaan projek Kerajaan hanya akan diluluskan sekiranya punca kelewatan adalah di luar kawalan kontraktor.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun ini dianggarkan sebanyak RM164,743 juta, iaitu meningkat 14.8% berbanding tahun 2006. Daripada jumlah ini, RM123,873 juta ialah perbelanjaan mengurus dan sebanyak RM40,870 juta perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 15.0% dan perbelanjaan pembangunan 14.1%. Komponen utama **perbelanjaan mengurus**, iaitu emolumen meliputi 25.1% atau RM31,142 juta, seperti di *Jadual 4.3*. Perbelanjaan emolumen dijangka meningkat 9.2% berbanding tahun 2006, sebahagian besarnya berikutan pelarasan gaji dan elaun kos sara hidup (COLA).

JADUAL 4.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek 2006-2008

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2006	2007 ¹	2008 ²	2006	2007 ¹	2008 ²	2006	2007 ¹	2008 ²
Emolumen	28,522	31,142	36,176	11.5	9.2	16.2	26.5	25.1	28.1
Bayaran khidmat hutang	12,495	13,127	13,101	7.7	5.1	-0.2	11.6	10.6	10.2
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	2,851	3,752	4,402	9.1	31.6	17.3	2.6	3.0	3.4
Pencen dan ganjaran	7,008	8,049	8,412	2.9	14.9	4.5	6.5	6.5	6.5
Bekalan dan perkhidmatan	20,923	24,449	25,483	16.3	16.9	4.2	19.4	19.7	19.8
Subsidi	10,112	12,151	10,233	-24.5	20.2	-15.8	9.4	9.8	7.9
Pemberian kepada badan berkanun ³	9,195	10,985	12,728	10.9	19.5	15.9	8.5	8.9	9.9
Bayaran balik dan hapus kira	287	1,815	966	-0.3	532.4	-46.8	0.3	1.5	0.8
Lain-lain	16,301	18,403	17,298	45.8	12.9	-6.0	15.1	14.9	13.4
Jumlah	107,694	123,873	128,799	10.2	15.0	4.0	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	18.8	19.8	18.9						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2008.

³ Termasuk emolumen.

Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat sebanyak 16.9% kepada RM24,449 juta atau 19.7% daripada perbelanjaan mengurus. Di bawah kategori ini, butiran utama perbelanjaan termasuk perkhidmatan profesional, penyenggaraan dan pembaikan, sewaan dan peralatan. Satu lagi komponen utama perbelanjaan mengurus ialah bayaran khidmat hutang yang berjumlah RM13,127 juta atau 10.6% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Pembayaran subsidi oleh Kerajaan dijangka berjumlah RM12,151 juta pada tahun 2007, disebabkan harga minyak mentah yang tinggi.

Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada badan berkanun yang berjumlah RM10,985 juta diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan mengurus, khususnya bagi bayaran emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Universiti adalah penerima terbesar geran Kerajaan sebanyak RM6,647 juta atau 60.5% daripada jumlah pemberian. Peruntukan yang besar juga disediakan untuk bayaran pencen dan ganjaran (RM8,049 juta), geran dan pindahan kepada


kerajaan negeri (RM3,752 juta), biasiswa dan skim bantuan pendidikan (RM2,283 juta) serta perolehan harta (RM2,543 juta).

Perbelanjaan pembangunan dianggar meningkat 14.1% kepada RM40,870 juta (2006: 17.3%; RM35,807 juta) seperti di *Jadual 4.4*. Sektor **perkhidmatan ekonomi** menerima peruntukan terbesar sebanyak RM19,124 juta atau 46.8% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah ini, RM6,702 juta diperuntukkan kepada subsektor pengangkutan bagi membiayai pelbagai projek seperti pembelian lokomotif, sistem aliran ringan dan rel (RM1,353 juta), termasuk pelaksanaan projek landasan berkembar Rawang-Ipoh yang sedang dalam pembinaan. Projek utama lain termasuk membina dan menaik taraf lapangan terbang (RM1,031 juta), jalan luar bandar (RM780 juta), serta pelabuhan dan jeti (RM276 juta).

Subsektor perdagangan dan industri diperuntukkan sebanyak RM4,364 juta, iaitu peningkatan 28.8% berbanding tahun 2006. Program pembangunan utama subsektor ini termasuk menambah baik

CARTA 4.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



¹ Anggaran disemak.

² Bajet.

Nota: Angka-angka di dalam blok merupakan % dari jumlah perbelanjaan mengurus.

kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian (RM252 juta), membiayai pelaburan strategik (RM150 juta), menambah peruntukan kepada perbadanan kemajuan negeri (RM180 juta) dan memperkukuh Direktorat Bioteknologi Negara (RM170 juta) bagi mempromosi sumber pertumbuhan baru. Penekanan juga terus diberi bagi membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Akses kepada pembiayaan untuk PKS ditingkatkan melalui suntikan modal dan pinjaman kepada Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) (RM155 juta) dan pembiayaan projek strategik melalui Malaysian Venture Capital Management Berhad (RM100 juta). Selain itu, sebanyak RM408 juta diperuntukkan bagi bina upaya industri pelancongan seperti menyedia dan menaik taraf kemudahan pelancongan serta pembangunan eko-pelancongan.

Perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar berjumlah RM3,817 juta (2006:

RM3,999 juta). Usaha yang dijalankan termasuk meningkatkan dana Tabung Untuk Makanan dan Skim Kredit Pertanian Bukan Makanan serta projek berkaitan perikanan dan penternakan (RM439 juta), pembangunan tanah dan wilayah (RM387 juta) dan perhutanan (RM81 juta). Sementara itu, peruntukan sebanyak RM3,140 juta disediakan untuk subsektor kemudahan awam dan tenaga. Ini merupakan peningkatan 39.9% berbanding perbelanjaan tahun 2006 bertujuan melaksanakan projek seperti bekalan air, pembetulan dan elektrik untuk terus memajukan kualiti hidup penduduk di kawasan luar bandar.

Sejumlah RM13,055 juta diperuntukkan kepada sektor **perkhidmatan sosial**, iaitu peningkatan 37.1% berbanding tahun 2006 dengan subsektor pendidikan dan latihan menerima bahagian terbesar sebanyak RM7,291 juta. Keutamaan diberi kepada pendidikan tinggi awam untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan. Peruntukan sebanyak

JADUAL 4.4

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor
2006-2008**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2006	2007 ¹	2008 ²	2006	2007 ¹	2008 ²	2006	2007 ¹	2008 ²
Perkhidmatan ekonomi antaranya:	17,404	19,124	17,883	16.4	9.9	-6.5	48.6	46.8	44.7
Pertanian dan pembangunan luar bandar	3,999	3,817	3,742	61.1	-4.6	-2.0	11.2	9.3	9.4
Perdagangan dan perindustrian	3,389	4,364	3,860	5.2	28.8	-11.5	9.5	10.7	9.7
Pengangkutan	7,751	6,702	6,777	1.2	-13.5	1.1	21.6	16.4	16.9
Perkhidmatan sosial antaranya:	9,525	13,055	13,490	27.8	37.1	3.3	26.6	31.9	33.7
Pendidikan dan latihan	5,349	7,291	7,358	43.2	36.3	0.9	14.9	17.8	18.4
Kesihatan	1,298	1,496	1,949	6.4	15.3	30.3	3.6	3.7	4.9
Perumahan	1,347	1,977	1,744	24.5	46.8	-11.8	3.8	4.8	4.4
Keselamatan	4,803	6,258	6,099	0.0	30.3	-2.5	13.4	15.3	15.2
Pentadbiran am	4,076	2,433	2,528	22.6	-40.3	3.9	11.4	6.0	6.3
Jumlah	35,807	40,870	40,000	17.3	14.1	-2.1	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	6.3	6.5	5.9						

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet.

RM3,577 juta disediakan untuk membangun dan menaik taraf institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Di samping itu, dua universiti baru, iaitu Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Darul Iman di Terengganu sedang dibina dengan peruntukan permulaan sebanyak RM32 juta. Pendidikan rendah dan menengah menerima RM1,441 juta untuk pelbagai projek, termasuk pembinaan 102 buah sekolah menengah, 14 sekolah asrama, tiga sekolah sukan, dua sekolah teknikal dan vokasional serta satu kolej matrikulasi.


Program latihan perindustrian yang memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran belia dan lepasan sekolah menerima peruntukan sebanyak RM920 juta. Ini termasuk pembinaan lima politeknik baru di Hulu Terengganu, Jeli, Mersing, Nilai dan Sandakan serta menaik taraf 12 kemudahan sedia ada. Di samping itu, dua institut latihan perindustrian (ILP) sedang dalam pembinaan di Marang dengan peruntukan

permulaan sebanyak RM30 juta dan di Kuala Krai, RM19.5 juta. Empat Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) juga sedang dibina di Taiping, Bintulu, Kemaman dan Jerantut dengan kos berjumlah RM172 juta. Di samping itu, Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan membina Institut Kemahiran MARA dan Institut Kemahiran Tinggi MARA yang baru dengan peruntukan sebanyak RM103 juta.

Kerajaan terus memberi perhatian utama kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam dengan menambah perbelanjaan untuk sektor **keselamatan** sebanyak 30.3% kepada RM6,258 juta. Subsektor pertahanan menerima RM4,401 juta sementara subsektor keselamatan dalam negeri diperuntukkan RM1,857 juta. Ini adalah untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan pasukan keselamatan melalui penambahbaikan peralatan dan pengawasan serta peningkatan kemahiran anggota keselamatan.

CARTA 4.4

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor



¹ Anggaran disemak.

² Bajet.

Nota: Angka-angka di dalam blok merupakan % dari jumlah perbelanjaan pembangunan.

Pembiayaan

Sebahagian besar pembiayaan adalah daripada sumber domestik...

Dari segi pembiayaan, Kerajaan terus mengamalkan strategi berhemat dengan memastikan sebahagian besar pinjaman adalah untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan diperoleh terutamanya daripada sumber domestik yang tidak memberi kesan inflasi. Selain itu, kebanyakan pinjaman adalah pada kadar faedah tetap bertujuan meminimumkan pendedahan kepada risiko kadar faedah. Kedudukan ekonomi dalam negeri yang teguh dengan kadar tabungan yang tinggi, paras inflasi rendah dan lebihan akaun semasa imbalan pembayaran menyediakan kecairan yang mencukupi dalam sistem perbankan dan kewangan. Keadaan ini membolehkan Kerajaan membuat pinjaman tanpa menjejaskan peluang sektor swasta mendapatkan pembiayaan.

Pada tahun ini, jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan dijangka bernilai RM53,192 juta

JADUAL 4.5


Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2006-2007

	RM juta		Bahagian (%)	
	2006	2007 ¹	2006	2007 ¹
Pinjaman kasar	36,934	53,192	100.0	100.0
Dalam negeri	36,100	53,000	97.7	99.6
Terbitan Pelaburan	9,500	10,000	25.7	18.8
Sekuriti Kerajaan	26,600	43,000	72.0	80.8
Luar negara	834	192	2.3	0.4
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	834	192	2.3	0.4
Bayaran balik	22,237	32,009	100.0	100.0
Dalam negeri	18,350	27,200	82.5	85.0
Luar negara	3,887	4,809	17.5	15.0
Pinjaman bersih	14,696	21,183		
Dalam negeri	17,750	25,800		
Luar negara	-3,054	-4,617		
Perubahan aset²	4,413	-1,235		
Jumlah	19,109	19,948		

¹ Anggaran.

² (+) bererti penggunaan harta, (-) bererti pertambahan harta.

CARTA 4.5

Pinjaman Kerajaan Persekutuan¹ Anggaran disemak.

Nota: Angka-angka di dalam blok dan di skala positif merupakan % dari jumlah pinjaman kasar
 Angka-angka di dalam blok dan di skala negatif merupakan % dari jumlah bayaran balik pokok

seperti di *Jadual 4.5*. Daripada jumlah pinjaman tersebut, RM32,009 juta adalah untuk bayaran balik hutang sedia ada sementara RM21,183 juta merupakan pinjaman tambahan. Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) kekal sebagai sumber terbesar pembiayaan dengan jumlah terbitan RM43,000 juta pada tahun 2007. Kesemua terbitan SKM tersebut adalah melalui tender terbuka di mana RM13,000 juta adalah terbitan baru manakala RM30,000 juta merupakan terbitan semula. Dalam tempoh separuh pertama 2007, kadar kupon untuk terbitan baru adalah dalam lingkungan 3.502%-3.814% setahun berbanding 3.718%-4.709% pada tahun 2006. Pada akhir Jun 2007, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan bank komersial kekal sebagai pemegang utama SKM, iaitu 66.8% daripada jumlah SKM. Kerajaan juga dijangka menerbitkan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) sebanyak RM10,000 juta pada tahun ini. Pada akhir Jun 2007, pelabur utama TPK ialah KWSP dan bank komersial yang mewakili 63.5% daripada jumlah keseluruhan TPK.

Kerajaan dijangka tidak memerlukan pinjaman luar negara yang baru melainkan pengeluaran daripada pinjaman projek sedia ada berjumlah RM192 juta, iaitu daripada sumber dua hala dan pelbagai hala. Ini adalah selaras dengan matlamat mengurangkan hutang luar dan meminimumkan pendedahan kepada risiko pertukaran mata wang asing. Pinjaman projek yang sedia ada digunakan untuk membiayai projek dan program yang sedang dilaksanakan terutama pendidikan dan latihan, bekalan air, pembetulan dan pembasmian kemiskinan.

Hutang

Hutang Kerajaan kekal terurus...

Hutang Kerajaan Persekutuan dianggar meningkat kepada RM267,508 juta pada akhir tahun 2007 (akhir 2006: RM242,225 juta) terutama disebabkan hutang domestik yang lebih tinggi, seperti di *Jadual 4.6*. Nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK meningkat sedikit

JADUAL 4.6


Hutang Kerajaan Persekutuan 2006-2007

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2006	2007 ¹	2006	2007 ¹	2006	2007 ¹
Hutang dalam negeri	217,220	247,120	89.7	92.4	37.9	39.5
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	1.8	1.6	0.8	0.7
Terbitan Pelaburan	19,600	28,000	8.1	10.5	3.4	4.5
Sekuriti Kerajaan	174,300	191,700	72.0	71.7	30.4	30.7
Tabung Pinjaman Perumahan	19,000	23,100	7.8	8.6	3.3	3.7
Hutang luar	25,005	20,388	10.3	7.6	4.4	3.3
Pinjaman pasaran	16,717	13,470	6.9	5.0	2.9	2.2
Pinjaman projek	8,288	6,918	3.4	2.6	1.4	1.1
Jumlah	242,225	267,508	100.0	100.0	42.3	42.8

¹ Anggaran.

CARTA 4.6

Bayaran Khidmat Hutang Kerajaan Persekutuan: Bayaran Pokok, Bayaran Faedah dan Nisbah Khidmat Hutang Luar Negeri



¹ Anggaran disemak.

Nota: Angka-angka di dalam blok merupakan % dari jumlah.

Nisbah khidmat hutang luar negeri = Bayaran pokok (tidak termasuk pembayaran awal) dan faedah keatas hutang luar negeri sebagai % terimaan eksport.

JADUAL 4.7


Hutang Negara 2006-2007

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2006	2007 ¹	2006	2007 ¹	2006	2007 ¹
Hutang jangka sederhana dan panjang	143,126	137,158	77.2	77.9	25.0	21.9
Sektor awam	75,897	67,983	41.0	38.6	13.3	10.9
Kerajaan Persekutuan	25,005	20,388	13.5	11.6	4.4	3.3
PABK	50,892	47,595	27.5	27.0	8.9	7.6
Dijamin	20,457	19,688	11.1	11.2	3.6	3.1
Tidak dijamin	30,435	27,907	16.4	15.8	5.3	4.5
Sektor swasta	67,229	69,175	36.2	39.3	11.7	11.1
Hutang jangka pendek	42,153	38,921	22.8	22.1	7.4	6.2
Jumlah	185,279	176,079	100.0	100.0	32.4	28.2

¹ Anggaran.

CARTA 4.7

Hutang Luar Negara Kerajaan Persekutuan Mengikut Mata Wang

¹ Anggaran disemak.

Nota: Angka-angka di dalam blok merupakan % dari jumlah

kepada 42.8% (akhir 2006: 42.3%). Pada tahun 2007, bayaran khidmat hutang kekal rendah, iaitu 10.6% daripada perbelanjaan mengurus dan 9.3% daripada hasil. Hutang luar Kerajaan Persekutuan sebagai peratusan kepada jumlah hutang terus berkurang kepada 7.6% (2006: 10.3%) disebabkan pembayaran dan pembayaran awal hutang luar berjumlah RM4,809 juta melalui pinjaman domestik. Ini adalah untuk mengambil manfaat daripada kadar faedah dalam negeri yang lebih rendah berbanding dengan kadar faedah pinjaman asal.

Hutang negara yang merangkumi hutang luar Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta dijangka berkurang kepada RM176,079 juta atau 28.2% KDNK pada akhir tahun 2007 (akhir 2006: RM185,279 juta; 32.4% KDNK), seperti di *Jadual 4.7*. Keutamaan Kerajaan Persekutuan memperoleh pembiayaan daripada sumber domestik telah membantu mengawal paras hutang negara. Daripada jumlah ini, 77.9% ialah hutang jangka sederhana dan panjang, dan dengan itu mengelakkan daripada keperluan membuat bayaran balik pinjaman secara serentak. Pada tahun 2007, nisbah khidmat hutang negara kekal rendah pada paras 4.2%, menunjukkan keupayaan pendapatan eksport untuk membayar hutang negara.

Kerajaan Negeri

Kerajaan negeri mencatatkan defisit yang rendah ...

Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dijangka mencatat defisit dalam keadaan hasil dan perbelanjaan yang meningkat. Jumlah pendapatan dijangka meningkat 11.0% kepada RM14,146 juta pada tahun 2007 (2006: 6.5%; RM12,742 juta), seperti di *Jadual 4.8*. Hasil daripada sumber negeri merangkumi 76.4% (RM10,812 juta) sementara bakinya adalah pelbagai geran daripada Kerajaan Persekutuan. Sebahagian besar daripada hasil kerajaan negeri adalah royalti petroleum dan perhutanan serta premium dan cukai tanah yang berjumlah RM4,090 juta atau

JADUAL 4.8

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2006-2007

	RM juta		Perubahan (%)	
	2006	2007 ¹	2006	2007 ¹
Akaun semasa				
Hasil	12,742	14,146	6.5	11.0
Perbelanjaan mengurus	6,673	7,611	8.6	14.1
Baki akaun semasa	6,069	6,535	4.2	7.7
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	5,297	7,176	16.5	35.5
Kumpulan wang pembangunan	5,020	6,646	18.9	32.4
Kumpulan wang bekalan air	277	530	-15.3	91.3
Tolak: Terimaan balik pinjaman	402	51	98.8	-87.2
Perbelanjaan pembangunan bersih	4,895	7,124	12.6	45.5
Baki keseluruhan	1,174	-589		
% kepada KDNK	0.2	-0.1		

¹ Anggaran disemak.

28.9%. Punca hasil lain termasuk fi, pelesenan, permit dan pendapatan pelaburan. Kerajaan negeri terus meningkatkan usaha kutipan hasil dengan memberi penekanan kepada pungutan tunggakan cukai tanah.

Perbelanjaan mengurus dan pembangunan kerajaan negeri dijangka meningkat 23.5% kepada RM14,787 juta pada tahun 2007 (2006: 12.0%; RM11,970 juta). Perbelanjaan mengurus dianggarkan sebanyak RM7,611 juta atau 51.5% dari jumlah perbelanjaan, iaitu peningkatan 14.1% berbanding tahun 2006. Peningkatan ketara ini disebabkan terutamanya oleh pelarasan gaji. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan pula dijangka meningkat 35.5% kepada RM7,176 juta atau 48.5% daripada jumlah perbelanjaan kerana peruntukan yang lebih tinggi bagi perumahan serta infrastruktur dan kemudahan awam. Perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang

tinggi menyebabkan baki keseluruhan kerajaan negeri mengalami defisit sebanyak RM589 juta berbanding lebih sebanyak RM1,174 juta pada tahun 2006. Seperti tahun-tahun sebelumnya, defisit kerajaan negeri akan dibiayai oleh pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta penggunaan aset kewangan.

Sektor Kerajaan

Pada tahun 2007, kedudukan fiskal sektor kerajaan yang meliputi akaun disatukan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan, selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman antara entiti-entiti kerajaan tersebut, dijangka merekodkan defisit RM21,710 juta atau 3.5% KDNK (2006; -RM16,267 juta; -2.8%), seperti di *Jadual 4.9*. Kedudukan ini adalah lebih tinggi berbanding defisit Kerajaan Persekutuan sebanyak RM19,948 juta atau 3.2% KDNK, disebabkan terutamanya jumlah defisit yang besar dialami oleh badan berkanun dan kerajaan negeri. Pada tahun 2007, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM10,985 juta melalui perbelanjaan mengurus kepada badan berkanun manakala sebanyak RM3,752 juta untuk kerajaan negeri, seperti di *Jadual 4.3*.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Perusahaan Awam Bukan Kewangan mencatat lebih semasa lebih tinggi...

Pendapatan PABK yang disatukan dijangka meningkat 4.5% kepada RM283,105 juta, didorong oleh harga petroleum yang tinggi, permintaan untuk tenaga yang lebih besar dan persekitaran perniagaan yang memberangsangkan. Pertambahan yang kecil dalam perbelanjaan mengurus, iaitu 5.0% adalah hasil kejayaan transformasi PABK utama yang telah membawa kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan mengurus serta keupayaan untuk menyokong aktiviti perniagaan yang semakin berkembang. Oleh itu, lebih semasa dijangka meningkat 2.7% kepada RM62,101 juta, disumbang terutama oleh tiga PABK utama iaitu PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM).

Perbelanjaan pembangunan dianggarkan bertambah dengan ketara iaitu sebanyak 20.8% kepada RM55,196 juta, disebabkan peningkatan pelaburan dalam dan luar negara. Di samping aktif melaksanakan projek dalam

JADUAL 4.9

Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan 2006-2008

	RM juta			Perubahan (%)		
	2006	2007 ¹	2008 ²	2006	2007 ¹	2008 ²
Akaun semasa						
Hasil	143,599	160,425	167,755	16.2	11.7	4.6
Perbelanjaan mengurus	118,913	135,490	141,821	11.0	13.9	4.7
Baki akaun semasa	24,686	24,935	25,934	50.0	1.0	4.0
Perbelanjaan pembangunan	40,953	46,645	47,764	32.2	13.9	2.4
Baki keseluruhan	-16,267	-21,710	-21,830			
% kepada KDNK	-2.8	-3.5	-3.2			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2008.

JADUAL 4.10

**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
2006-2007**

	RM juta		Perubahan (%)	
	2006	2007 ²	2006	2007 ²
Pendapatan	270,895	283,105	11.3	4.5
Perbelanjaan semasa	210,451	221,004	13.4	5.0
Pendapatan tertahan	60,444	62,101	4.4	2.7
% kepada KDNK	10.6	9.9		
Perbelanjaan pembangunan	45,692	55,196	32.9	20.8
Lebihan keseluruhan	14,752	6,905	-37.3	-53.2
% kepada KDNK	2.6	1.1		

¹ Merujuk kepada 30 PABK utama.² Anggaran disemak.

negara untuk menyokong inisiatif Rancangan Malaysia Kesembilan, PABK juga melabur di luar negara, terutama di pasaran berpotensi tinggi sebagai sebahagian daripada strategi globalisasi bagi meningkatkan pendapatan masa hadapan. PABK yang dijangka mencatat peningkatan ketara dalam perbelanjaan pembangunan ialah PETRONAS, TM, United Engineers Malaysia Berhad dan Malaysia Airport Holdings Berhad berikutan usaha memenuhi permintaan dan kepentingan perniagaan yang lebih besar.

Kedudukan kewangan PABK disatukan dijangka mencatat lebihan keseluruhan yang lebih rendah berjumlah RM6,905 juta atau 1.1% daripada KDNK pada tahun 2007, iaitu berkurang 53.2% daripada tahun 2006. Lebihan keseluruhan yang rendah ini adalah disebabkan peningkatan pendapatan yang perlahan serta pertumbuhan perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi.

Pada tahun 2007, PETRONAS dijangka mencatat pendapatan yang lebih tinggi, berikutan peningkatan jumlah jualan dan harga. Pertumbuhan pendapatan ini disumbang terutama oleh peningkatan jualan produk petroleum dan petrokimia, minyak mentah dan gas asli cecair (LNG), iaitu 82% daripada jumlah pendapatan. Permintaan untuk minyak mentah yang semakin meningkat, gangguan bekalan serta pengurangan pengeluaran oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport

Petroleum (OPEC) telah menyebabkan harga kekal tinggi, serta mendorong peningkatan aktiviti cari gali dan pengeluaran minyak. Walau bagaimanapun, bilangan kakitangan teknikal berpengalaman dan pelantar gerudi minyak tidak mampu memenuhi permintaan yang semakin meningkat, menyebabkan kos operasi dan modal semakin tinggi. Oleh itu, lebihan semasa PETRONAS dijangka berkurangan.

Bagi perbelanjaan pembangunan, PETRONAS terus melabur dalam aktiviti huluan dan hiliran, terutamanya menaik taraf dan membaik pulih kemudahan pelantar sedia ada untuk memanjangkan jangka hayat. Sebahagian besar daripada pelaburan modal disalurkan untuk aktiviti cari gali dan pengeluaran, logistik dan maritim serta perniagaan seperti petrokimia, minyak, gas dan hartanah. Salah satu daripada pelaburan tersebut, iaitu yang pertama di Malaysia ialah kapal laut dalam jenis *floating, production, storage and offloading* (FPSO) di Kikeh, Sabah. Ia direka bentuk untuk membawa masuk minyak dan gas daripada pelantar yang berdekatan, memproses dan seterusnya menyimpan komoditi tersebut sebelum dimuat turun ke dalam kapal tangki. Dengan adanya kapal tersebut, saluran paip panjang dari pelantar ke terminal di darat yang mahal harganya, tidak perlu dibina. Pelaburan penting yang lain termasuk pembelian 10% saham syarikat Cairn India Limited yang memiliki beberapa kemudahan cari gali dan pengeluaran minyak di India serta projek pembinaan *Sabah Oil and Gas Terminal* yang dijangka beroperasi menjelang Januari 2010. Pada tahun ini, PETRONAS telah menandatangani perjanjian jual beli membekalkan LNG ke Jepun dan China dan kejayaan menembusi sektor tenaga China yang berpotensi besar merupakan satu pencapaian bagi PETRONAS.

Jumlah pinjaman PETRONAS pada tahun ini dijangka berkurangan dan menyumbang kepada nisbah gearan yang lebih baik. Sebahagian besar hutangnya adalah dalam dolar Amerika Syarikat (AS) (73%) dan ringgit Malaysia (26.4%).

TM terus mengembangkan perniagaan dengan memberi tumpuan kepada peningkatan perkhidmatan mudah alih dan talian tetap, pengembangan serantau, pengurusan kos dan perbelanjaan yang lebih baik serta meningkatkan keupayaan pelaksanaan, seperti yang digariskan dalam Program Peningkatan Prestasi TM. Inisiatif

ini dijangka dapat meningkatkan pendapatan yang sebahagian besarnya adalah daripada perkhidmatan mudah alih antarabangsa dan domestik. Namun begitu, pendapatan daripada perkhidmatan talian tetap domestik semakin berkurang, disebabkan tarif yang lebih rendah dan semakin ramai pengguna bertukar kepada perkhidmatan mudah alih dan *voice over internet protocol* (VoIP). Di samping itu, persaingan sengit daripada penyedia perkhidmatan sedia ada dan baru telah menyebabkan pendapatan TM berkurangan. Salah satu strategi yang dilaksanakan oleh TM untuk menangani isu ini ialah dengan meningkatkan produk dan perkhidmatan jalur lebar. Bagi memenuhi permintaan di pasaran yang pertumbuhannya tinggi, TM telah mengembangkan perkhidmatan mudah alih terutama di Indonesia, Bangladesh, Sri Lanka dan India dan ini dijangka akan meningkatkan perbelanjaan operasi TM.

Perbelanjaan pembangunan TM akan disalurkan untuk meluaskan liputan dan mengembangkan keupayaan operasi mudah alih antarabangsa. Program ini akan dibiayai melalui sumber dalaman TM dan pinjaman oleh subsidiari di luar negara. Projek utama yang dilaksanakan termasuk pengembangan, peningkatan dan pembangunan rangkaian mudah alih. Sebuah konsortium, diketuai oleh TM dan terdiri daripada 17 penyedia perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa, akan membangunkan Sistem Rangkaian Kabel Asia-America Gateway (AAG) yang menghubungkan rantau Asia Tenggara terus ke Amerika Syarikat. Projek AAG tersebut yang dijangka beroperasi menjelang Disember 2008 akan meningkatkan keupayaan jalur lebar di rantau tersebut dan menyediakan hubungan trafik internet alternatif kepada sistem sedia ada seperti Rangkaian Kabel Asia Pasifik 2 (APCN 2) yang mengalami gangguan semasa gempa bumi di Taiwan pada tahun lalu.

Prestasi pendapatan TNB dijangka bertambah baik berikutan kenaikan tarif pada tahun 2006 dan permintaan tenaga elektrik yang lebih besar daripada sektor komersial dan industri. Pendapatan yang lebih baik ini membolehkan TNB menaik taraf talian kuasa, memantapkan sistem dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Pelbagai strategi pengurusan kos sedang dilaksanakan

untuk penambahbaikan perkhidmatan serta peningkatan produktiviti dan pewujudan nilai. Salah satu inisiatif tersebut ialah pelaksanaan sistem pembacaan meter jarak jauh untuk mengumpul maklumat daripada 60,000 pelanggan komersial TNB yang kini menyumbang 80% kepada pendapatan tahunannya. Maklumat tersebut membolehkan TNB mengumpul data mengenai corak penggunaan dan seterusnya menyumbang kepada perancangan, penjanaan dan penggunaan kuasa secara lebih berkesan. Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat, sebahagiannya disebabkan oleh pembayaran tambahan kepada pengeluar tenaga bebas (IPP) berikutan pelancaran unit kedua loji kuasa Tanjung Bin. Namun, perbelanjaan am yang lebih rendah dan pungutan semula hutang lapuk yang lebih baik dijangka memperlahankan tahap kenaikan perbelanjaan tersebut.

Perbelanjaan pembangunan dijangka akan memberi tumpuan kepada program bekalan elektrik baru dan penambahbaikan sistem bagi meningkatkan penjanaan, penghantaran dan pengagihan kuasa. Projek yang berkaitan termasuklah menaik taraf stesen jana kuasa sedia ada di Port Dickson dan Paka, pencawang, stesen pengambilan dan talian pengagihan serta meningkatkan pengagihan kuasa melalui grid Utara dan Timur Barat di Sabah. Keperluan pembiayaan syarikat dijangka diperoleh terutamanya daripada pasaran domestik. Pada masa ini, hutang domestik merupakan 55% daripada jumlah hutang TNB, sementara hutang luar yang meliputi 45%, adalah sebahagian besarnya dalam dolar AS dan yen.

Sektor Awam Disatukan

Pada tahun 2007, baki semasa sektor awam disatukan dianggarkan sebanyak RM86,858 juta, meningkat 2.3% (2006: RM84,904 juta; 15.8%), terutama disebabkan lebihan semasa PABK yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, memandangkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan dijangka meningkat pada kadar yang lebih cepat berbanding hasil, baki keseluruhan sektor awam disatukan akan mencatat defisit sebanyak RM14,903 juta atau 2.4% KDNK (2006: -RM1,630 juta; -0.3% KDNK), seperti di *Jadual 4.11*.

JADUAL 4.11

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2006-2008

	RM juta			Perubahan (%)		
	2006	2007 ¹	2008 ²	2006	2007 ¹	2008 ²
Hasil	101,955	116,498	123,967	7.4	14.3	6.4
Perbelanjaan mengurus	117,721	134,942	140,552	10.4	14.6	4.2
Lebihan semasa PABK	100,670	105,302	104,904	18.5	4.6	-0.4
Baki semasa sektor awam	84,904	86,858	88,319	15.8	2.3	1.7
Perbelanjaan pembangunan	86,534	101,761	90,085	31.0	17.6	-11.5
Sektor kerajaan	40,842	46,565	47,606	28.9	14.0	2.2
PABK	45,692	55,196	42,479	32.9	20.8	-23.0
Baki keseluruhan	-1,630	-14,903	-1,766			
% kepada KDNK	-0.3	-2.4	-0.3			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2008.

Prospek 2008

Konsolidasi fiskal diteruskan...

Kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka kekal terkawal pada tahun 2008 berdasarkan prospek ekonomi yang lebih menggalakkan. Teras dasar fiskal terus memberi penekanan kepada kecekapan dan keberkesanan serta perbelanjaan yang lebih memberi nilai. Walaupun Kerajaan meneruskan usaha konsolidasi fiskal, langkah ini tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Defisit fiskal diunjurkan terus berkurang kepada 3.1% KDNK pada tahun 2008.

Sektor awam akan terus memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi melalui penambahan peruntukan perbelanjaan awam serta penggubalan dasar untuk terus merangsang aktiviti sektor swasta. Strategi utama pengurusan ekonomi tahun 2008 akan menumpukan kepada tiga aspek utama, iaitu mempertingkatkan daya saing negara, memperkasa pembangunan modal insan dan menjamin kemakmuran rakyat. Untuk mencapai matlamat tersebut, pelbagai program dan projek dirancang dalam Bajet 2008.

Bajet 2008 akan memperuntukkan sejumlah RM168,799 juta, iaitu peningkatan 2.5% berbanding tahun 2007. Daripada jumlah ini, RM128,799 juta ialah perbelanjaan mengurus sementara RM40,000 juta, perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan mengurus diunjurkan meningkat 4.0% berbanding tahun 2007, terutama untuk perbelanjaan tanggungan dan terikat. Emolumen menerima peruntukan terbesar berjumlah RM36,176 juta untuk menambah baik sistem penyampaian sektor awam serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti kakitangan Kerajaan. Peruntukan lain termasuk geran, pindahan dan bayaran subsidi berjumlah RM63,960 juta serta bekalan dan perkhidmatan (RM25,483 juta). Bayaran subsidi sebahagian besarnya diperuntukkan untuk produk petroleum dan diesel.

Di bawah program membangunkan sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi, sebanyak RM6,520 juta diperuntukkan untuk pertanian. Antara program yang dikenal pasti untuk pelaksanaan termasuk penternakan, akuakultur, serta skim pembiayaan untuk petani dan usahawan pertanian komersial. Selain

Transformasi GLC: Perkembangan Terkini¹

Pengenalan

Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) ialah entiti perniagaan yang kepentingannya dikawal secara langsung oleh Kerajaan.² Sehubungan itu, Kerajaan boleh antara lain, melantik ahli lembaga pengarah, mencalonkan pengurusan atasan serta menetapkan dasar dan arah tuju. Sementara GLC menjalankan aktiviti perniagaan, GLIC pula berperanan sebagai syarikat pelaburan bagi pihak Kerajaan yang melabur dalam syarikat strategik dan terpilih, termasuk pelaburan dalam GLC. Kedua-dua GLC dan GLIC memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Terdapat 47 GLC yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu 7.2% daripada jumlah syarikat yang tersenarai dan menyumbang 34.9% kepada permodalan pasaran pada 18 Mei 2007. Nilai permodalan pasaran GLC dalam Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak 55% walaupun GLC hanya merupakan 23 daripada 100 syarikat yang membentuk KLCI.

Pada tahun 2006, perbelanjaan pelaburan modal tetap GLC tersenarai berjumlah RM13.8 bilion, menyumbang 18% kepada pembentukan modal tetap kasar negara. Pelaburan modal GLC yang lebih tinggi berbanding syarikat lain, disebabkan sebahagiannya oleh nisbah keamatan modal GLC yang tinggi. GLC kekal sebagai pembekal utama perkhidmatan utiliti dan infrastruktur, termasuk elektrik, telekomunikasi, pos, penerbangan, lapangan terbang, pengangkutan awam, air dan pembetulan serta perbankan dan kewangan. Selain menjalankan aktiviti perniagaan untuk memberikan pulangan yang munasabah kepada pemegang saham, GLC dan GLIC berperanan penting dalam usaha meningkatkan keupayaan dan kebolehan Bumiputera menjalankan aktiviti perniagaan, terutamanya sebagai vendor dan pembekal kepada syarikat-syarikat tersebut. Dari segi penyediaan peluang pekerjaan, GLC mempunyai 325,722 pekerja atau lebih kurang 3% daripada jumlah tenaga kerja negara pada tahun 2006.

Inisiatif Transformasi

Sejak beberapa tahun yang lalu, terutamanya selepas krisis kewangan Asia 1997/1998, prestasi GLC agak lemah. Kajian yang dibuat ke atas 15 GLC terbesar, mewakili lebih kurang 65% daripada permodalan pasaran GLC tersenarai, mendapati hanya tujuh syarikat mencatatkan keuntungan ekonomi pada tahun 2004.³ Di samping itu, sepanjang 15 tahun lalu, GLC ketinggalan dalam hampir semua penunjuk kewangan dan operasi. Ini mendorong Kerajaan memperkenalkan program bertujuan mentransformasi GLC kepada syarikat berprestasi tinggi serta mampu memenuhi jangkaan dan harapan pemegang berkepentingan, terutamanya Kerajaan.

Transformasi ini yang bermula pada Mei 2004 telah disusuli dengan pelancaran Manual Transformasi GLC pada Julai 2005. Manual tersebut mengandungi Teras Dasar dan Program Transformasi yang menggariskan pelbagai langkah untuk meningkatkan keberkesanan dan profesionalisme lembaga pengarah, mengkaji serta menyusun semula dasar dan prosedur perolehan, mempergiat amalan pengurusan prestasi, memperbaiki persekitaran pengawalseliaan, memperhebat penambahbaikan operasi, memperjelas kewajipan sosial, meningkatkan keupayaan pengurus dan pengurusan atasan serta mengoptimumkan amalan pengurusan modal.

Program transformasi GLC mempunyai empat fasa yang menjangkau tempoh 10 tahun iaitu dari pertengahan 2004 hingga 2015, seperti di *Jadual 1*. Fasa pertama program yang berakhir pada tahun 2005 memberi tumpuan kepada usaha menggembeleng, mengenal pasti, merancang dan memulakan pelaksanaan beberapa program khusus yang bertujuan membolehkan pengurusan atasan dan pekerja

¹ Rencana ini ditulis berdasarkan input yang dibekalkan oleh Pejabat Pengurusan Transformasi, Khazanah Nasional Berhad.

² Pada 31 Julai 2007, terdapat lima entiti dikategorikan sebagai GLIC: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Khazanah Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji dan Permodalan Nasional Berhad.

³ Keuntungan ekonomi ialah satu ukuran pulangan ke atas modal yang dilaburkan selepas mengambil kira kos modal.

Jadual 1

Empat Fasa Program Transformasi GLC

Fasa 1: Menggembleng, Menenal pasti dan Merancang	Fasa 2 : Menjana Momentum	Fasa 3: Hasil Nyata	Fasa 4: Manfaat Sepenuhnya kepada Negara
Tempoh: Pertengahan 2004-2005 (14 bulan)	Tempoh: Pertengahan 2005-2006 (12-17 bulan)	Tempoh: 2007-2010 (3 tahun)	Tempoh: 2010-2015 (5 tahun)
Langkah: • KPI-PLCs • Kontrak Prestasi • Penyusunan semula keanggotaan Lembaga Pengarah • Penyusunan semula Khazanah • Pertukaran Pengurusan GLC	Langkah: • Penerbitan Manual Transformasi (29 Julai 2005) • Penetapan garis panduan dasar • Pelaksanaan program dan inisiatif yang ditetapkan dalam Manual Transformasi.	Langkah: • Meneruskan pelaksanaan program dan inisiatif yang ditetapkan dalam manual dan garis panduan transformasi.	Langkah: • Meneruskan pelaksanaan program dan inisiatif yang ditetapkan dalam manual dan garis panduan transformasi.
Sasaran yang ditetapkan: • Menenal pasti kelemahan GLC • Menentukan Prinsip Dasar • Inisiatif awal 2004 dilancarkan	Sasaran yang ditetapkan: • Inisiatif 2005/6 dilaksanakan • Pelaksanaan sepenuhnya • Dasar utama dilulus dan dilaksanakan • Hasil awal penambahbaikan yang mapan	Sasaran yang ditetapkan: • Faedah nyata dan berterusan bagi semua GLC • Faedah ternyata kepada semua pemegang berkepentingan contohnya pelanggan, vendor, pekerja dan lain-lain • Perubahan strategik dan kewangan yang besar dibuat • Perubahan besar kepada lembaga pengarah	Sasaran yang ditetapkan: • 2-3 GLC muncul sebagai syarikat terbaik serantau • Prestasi kebanyakan GLC setanding dengan pesaing mereka

Sumber: Ringkasan Buku Panduan Transformasi, PCG, Mac 2006

prihatin akan arah tuju serta jangkaan dan harapan Kerajaan. Program dan inisiatif yang diperkenalkan dalam fasa ini, termasuk langkah mewujudkan penunjuk prestasi utama, membuat pembaharuan kepada keahlian lembaga pengarah, menyusun semula Khazanah Nasional Berhad dan meningkatkan keupayaan kepimpinan GLC. Fasa kedua program yang bermatlamat menjana momentum untuk transformasi GLC berakhir pada Disember 2006. Program transformasi memasuki fasa ketiga pada Januari 2007 dengan sasaran supaya GLC menunjukkan hasil yang nyata dan mapan dalam jangka masa sederhana. Fasa terakhir iaitu fasa keempat akan bermula pada tahun 2010 dan dijadualkan berakhir pada tahun 2015. Menjelang akhir tempoh tersebut, beberapa GLC dijangka muncul sebagai syarikat terbaik serantau dan setanding dengan syarikat lain dalam sektor swasta.

Transformasi GLC dijangka menyumbang faedah kepada sekurang-kurangnya lima pemegang berkepentingan iaitu pelanggan, pekerja, pembekal, komuniti perniagaan Bumiputera serta syarikat swasta lain dalam industri yang sama. GLC yang lebih cekap dan berdaya saing dijangka dapat mengeluarkan barangan bermutu lebih tinggi dan memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan, di samping menyediakan prospek pekerjaan yang lebih baik kepada pekerja sedia ada dan bakal pekerja. GLC yang lebih dinamik juga akan membantu meningkatkan persaingan dan seterusnya memberi manfaat kepada keseluruhan ekonomi. Di samping itu, GLC yang lebih berdaya saing akan mendorong komuniti perniagaan Bumiputera untuk terus menambah baik serta meningkatkan kemahiran dan kebolehan mereka yang diperlukan dalam persekitaran perniagaan yang semakin telus dan berasaskan merit. Ringkasan manfaat daripada program transformasi GLC adalah seperti di *Jadual 2*.

Jadual 2

Manfaat Transformasi GLC kepada Pemegang Berkepentingan

Pemegang Berkepentingan Utama	Manfaat
Pelanggan	• Barangan dan perkhidmatan yang berkualiti lebih tinggi • GLC yang lebih produktif dan efisien menawarkan barangan dan perkhidmatan berasaskan <i>value-for-money</i>
Pekerja	• Prospek pekerjaan yang lebih baik dan pembangunan modal insan • Produktiviti meningkat manakala ketidakcekapan dielakkan
Komuniti Bumiputera	• Peningkatan prestasi GLC mendorong pembangunan komuniti perniagaan Bumiputera yang lebih berdaya saing • Peningkatan kemahiran pekerja Bumiputera • Peningkatan keupayaan pembekal Bumiputera
Pembekal	• Ketelusan meningkat dengan prosedur berasaskan merit yang mengutamakan pembekal yang menawarkan <i>value-for-money</i> • Mengurangkan ketirisan, ketidakcekapan dan rasuah
Sektor swasta lain	• Memberi tekanan yang lebih tinggi kepada sektor swasta supaya terus berdaya saing, yang mana mendorong meningkatkan standard industri secara keseluruhan

Sumber: Ringkasan Buku Panduan Transformasi, PCG, Mac 2006.

Kemajuan Transformasi

Pada masa ini, kemajuan transformasi GLC adalah selaras dengan sasaran asal. Sehingga akhir 2006, pelbagai garis panduan dan manual pelaksanaan berasaskan amalan terbaik telah dikeluarkan oleh PCG bertujuan mentransformasi GLC. Garis panduan dan manual tersebut digubal dengan tujuan untuk melaksanakan 10 inisiatif seperti yang dijelaskan dengan terperinci di *Jadual 3*. Inisiatif tersebut terdiri daripada meningkatkan keberkesanan lembaga pengarah, memantapkan profesionalisme pengarah, memperkuat fungsi pengawasan dan pengurusan GLIC, menambah baik persekitaran kawal selia, mencapai nilai melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial, mengkaji dan menyusun semula amalan perolehan, mengoptimumkan amalan pengurusan modal, mempergiat amalan pengurusan dan bakat, memperhebat amalan pengurusan prestasi serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi.

Pelaksanaan garis panduan dan manual tersebut telah menghasilkan perubahan besar kepada polisi dan amalan perniagaan GLC. Perubahan ini berjaya dilakukan terutamanya melalui penubuhan pasukan transformasi dalaman, pewujudan penunjuk prestasi utama (KPI), penambahbaikan pengurusan prestasi, peningkatan produktiviti melalui penambahbaikan proses dan organisasi serta menjual pemilikan perniagaan dan aset yang bukan teras dan tidak menguntungkan.

Jadual 3

Sepuluh Tema Utama Inisiatif

No	Inisiatif	Huraian	Output	
1	Meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah	Meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah melalui penyusunan semula amalan dan proses Lembaga	Buku Hijau	Dilancarkan Apr'06
2	Memperkuhkan Keupayaan Lembaga	Membangun strategi untuk memadankan Pengarah dengan Lembaga yang sesuai dan menubuhkan Akademi Pengarah	Akademi Pengarah	Dilancarkan Dis'06
3	Meningkatkan Fungsi Pengawasan dan Pengurusan GLIC	Memperkuhkan kemampuan GLIC dalam memantau dan mengurus anak syarikat GLC	Pelan Induk GLIC	Dilancarkan Dis'06
4	Menambah baik Persekitaran Kawal Selia	Meningkatkan keupayaan kawal selia dalam GLC dan mewujudkan Rangkaian Pengetahuan Kawal Selia	Program Pengurusan Persekitaran Kawal Selia	Dilancarkan Dis'06
5	Mencapai Nilai Melalui Tanggungjawab Sosial	Untuk memupuk GLC menjadi syarikat korporat yang bertanggung jawab di samping memberi nilai kepada pemegang saham dan pemegang kepentingan	Buku Perak	Dilancarkan Sep'06
6	Mengkaji dan Menyusun Semula Amalan Perolehan	Meningkatkan keberkesanan dan kecekapan tatacara perolehan GLC	Buku Merah	Dilancarkan Apr'06
7	Mengoptimalkan Amalan Pengurusan Modal	Mewujudkan garis panduan kepada GLC bagi mengoptimalkan struktur modal mereka	Buku Ungu	Dilancarkan Dis'06
8	Mempergiatkan Amalan pengurusan Bakat dan Kebolehan	Meningkatkan keupayaan GLC dalam menarik minat serta membangun dan mengekalkan bakat	Buku Oren	Dilancarkan Dis'06
9	Memperhebatkan Amalan Pengurusan Prestasi	Mengalakkan guna pakai amalan terbaik pengurusan prestasi di GLCs.	Buku Biru versi 2	Dilancarkan Jul'05
			Pengumuman KPI Utama	Dilancarkan Mac'06
			Program untuk Melaksanakan Pengurusan Prestasi Berasaskan Nilai	Dilancarkan Dis'06
10	Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Operasi	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi melalui penggunaan Rangka Kerja untuk Penambahbaikan Berterusan	Rangka Kerja untuk Pembaikan Berterusan	Dilancarkan Sep'06

Sumber: Progress Review of the GLC Transformation Programme, December 2006.

Manfaat Transformasi GLC

Transformasi GLC telah menyumbang ke arah peningkatan prestasi kewangan yang lebih baik bagi syarikat G-20, khususnya dari segi nilai pemegang saham dan seterusnya meningkatkan keyakinan pasaran terhadap syarikat.⁴ Pada 31 Mei 2007, prestasi Jumlah Pulangan Keseluruhan Pemegang Saham (TSR), satu indeks khusus bagi mengukur pulangan pasaran syarikat G-20 sebagai satu kumpulan, telah mengatasi pulangan pasaran indeks KLCI (tidak termasuk syarikat G-20) sebanyak 2.7%. Syarikat G-20 juga telah menambah nilai pasaran sebanyak 74% atau RM108 bilion sejak bermulanya transformasi GLC seperti di *Carta 1*. Pada tahun 2006, prestasi kewangan G-20 jauh lebih baik dengan pendapatan bersih meningkat 52% kepada RM10,524 juta (2005: -32.0%; RM6,761 juta). Di samping itu, sembilan


⁴ Syarikat G-20 terdiri daripada 20 GLC yang terbesar yang dipegang oleh GLIC dan meliputi kira-kira 71% daripada permodalan pasaran 47 GLC tersenarai.

syarikat G-20 berjaya mencapai kesemua sasaran KPI sementara sepuluh syarikat lain mencapai hampir kesemua KPI mereka. Walaupun KPI secara terperinci berbeza antara GLC, pada keseluruhannya penekanan diberi kepada aspek peningkatan hasil, keuntungan dan pulangan ekuiti.

Transformasi GLC dilaksanakan dengan matlamat untuk memberi manfaat kepada semua pemegang berkepentingan. Walaupun program ini telah menghasilkan impak yang positif, namun terdapat juga beberapa cabaran untuk memantapkan kedudukan GLC. Bagi mengimbangi faedah dan cabaran, PCG bersama dengan GLC secara aktif telah mengadakan rundingan dengan pihak berkepentingan untuk mencapai persefahaman berhubung matlamat dan faedah jangka panjang transformasi GLC.

Carta 1

Prestasi Kewangan G-20 dari Mei 2004 hingga Mei 2007



Penutup

Program transformasi yang dilancarkan oleh Kerajaan pada Mei 2004 bertujuan meningkatkan prestasi GLC. Tiga tahun selepas pelancaran inisiatif tersebut, syarikat-syarikat yang berkenaan serta pemegang berkepentingan telah menikmati manfaat yang ketara. Kebanyakan GLC telah melalui perubahan positif, khususnya dari segi polisi dan amalan perniagaan yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan prestasi.

itu, sebanyak RM40 juta diperuntukkan untuk membangun dan mempromosi hab dan taman halal di beberapa negeri terpilih.

Pelancongan ialah satu daripada sumber utama pendapatan pertukaran mata wang asing dan untuk membangunkan lagi sektor ini, Kementerian Pelancongan diperuntukkan RM858 juta. Program yang diberi keutamaan termasuk promosi pelancongan dalam dan luar negara, pembangunan produk eko-pelancongan, penyediaan infrastruktur dan promosi Program *MalaysiaKitchen*, iaitu usaha memperkenalkan sajian Malaysia di luar negara untuk menimbulkan minat melawat Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan.

Untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan ekonomi, pembangunan infrastruktur akan terus diberi penekanan. Sehubungan itu, sebanyak RM6,540 juta disediakan untuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan, jambatan dan landasan kereta api. Lapangan terbang dan pelabuhan juga turut menerima peruntukan, iaitu RM1,275 juta sementara bekalan air dan pembetulan sebanyak RM2,820 juta. Bagi memupuk budaya penyelenggaraan, sebanyak RM9,180 juta diperuntukkan kepada kementerian dan agensi untuk meningkatkan penyelenggaraan aset Kerajaan supaya lebih tahan lama, tidak tergendala, dan seterusnya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang awam.

Pembangunan sumber manusia ialah salah satu faktor penting dalam menentukan daya saing negara, terutama bagi menyokong permintaan daripada industri yang bernilai tambah tinggi serta merangsang ekonomi yang semakin berorientasikan perkhidmatan dan berasaskan pengetahuan. Bajet akan terus memberi penekanan kepada pendidikan formal di semua peringkat. Sehubungan ini, RM767 juta diperuntukkan kepada pendidikan prasekolah khususnya untuk membina, mengubahsuai dan membiayai operasi tadika di luar bandar. Pendidikan rendah dan menengah menerima peruntukan pembangunan yang besar berjumlah RM3,510 juta untuk pelaksanaan 668 projek sekolah rendah dan 262 sekolah menengah. Di samping itu, sebanyak RM303 juta disediakan untuk meningkatkan pendidikan IT dan celik komputer di 1,000 buah sekolah. Bagi pendidikan tinggi RM6,800 juta disediakan untuk membiayai operasi 21

buah IPTA, dengan kapasiti 412,700 orang penuntut. Untuk menambah keupayaan IPTA, peruntukan berjumlah RM2,500 juta disediakan bagi membiayai projek pembangunan.

Selain daripada pendidikan formal, latihan dalam pelbagai disiplin turut diberi penekanan. Ini bertujuan meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan industri dan majikan yang berbeza. Kolej komuniti dan politeknik diperuntukkan RM1,212 juta untuk membiayai pengembangan program mereka bagi menambah bilangan pelatih yang mempunyai kemahiran teknikal dan perniagaan. Seperti pada tahun-tahun sebelum ini, MARA diberi peruntukan yang besar, iaitu sebanyak RM340 juta untuk membiayai institut latihan kemahiran, termasuk pembinaan empat buah institut baru.

Di samping kemahiran dan pengetahuan, keutamaan turut diberikan kepada usaha menanam sikap positif, semangat patriotisme serta memupuk perpaduan dan keharmonian negara. Dalam hubungan ini, sebanyak RM677 juta disediakan untuk program latihan khidmat negara yang dijangka memberi manfaat kepada 110,000 pelatih di 84 buah kem seluruh negara.

Meningkatkan mutu kesihatan awam dan memastikan kesejahteraan rakyat adalah juga keutamaan Kerajaan. Di bawah Bajet 2008, sebanyak RM1,441 juta disediakan untuk membina dan menaik taraf hospital, klinik kesihatan serta kuarters kakitangan. Selain itu, RM401 juta diperuntukkan kepada kemudahan yang baru beroperasi, penyelenggaraan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pelaksanaan *Harm Reduction Programme* dan bantuan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah mendapatkan rawatan, khususnya untuk penyakit kronik.

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010, hasil pembangunan akan diagihkan kepada seluruh lapisan masyarakat. Oleh itu, Bajet 2008 menyediakan peruntukan yang lebih besar, iaitu RM794 juta untuk program pembasmian kemiskinan termasuk Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin serta makanan berkhasiat untuk pelajar sekolah dan tadika. Di samping itu, program khas untuk membantu keluarga miskin dan miskin tegar diperuntukkan RM264 juta di

bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Amanah Ikhtiar Malaysia. Mereka yang kurang upaya, cacat, warga emas dan ibu tunggal turut diberikan bantuan khas dalam bentuk bayaran kebajikan serta diberi keutamaan untuk memiliki rumah kos rendah dan mendapat perlindungan di rumah kebajikan.

Selaras dengan usaha Malaysia ke arah mencapai status negara maju, pembangunan belia dan sukan serta penghayatan seni dan budaya semakin mendapat perhatian di mana Kerajaan memberikan peruntukan sebanyak RM1,717 juta. Ini bagi membiayai projek bertujuan menggalakkan pembangunan sukan dan gaya hidup sihat, kecintaan kepada seni dan budaya serta pemuliharaan bangunan warisan sejarah dan budaya.

Menyedari kepentingan keselamatan negara dan ketenteraman awam, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang besar berjumlah RM23,310 juta menerusi perbelanjaan mengurus dan pembangunan untuk meningkatkan keupayaan pasukan polis dan angkatan tentera melalui penyediaan peralatan yang lebih baik dan pembangunan sumber manusia. Bagi meningkatkan kehadiran anggota polis di

kawasan yang tinggi kadar jenayah, tambahan kereta peronda akan diperuntukkan dalam Bajet 2008. Selain itu, Angkatan Relawan Rakyat (RELA) diperuntukkan RM48 juta untuk membantu polis menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman, termasuk menangani pendatang tanpa izin. Bagi menggalakkan kerjasama dan penyertaan orang awam dalam memerangi jenayah, sebanyak RM1 juta diperuntukkan kepada Rukun Tetangga untuk menjalankan rondaan sukarela.

Usaha penambahbaikan pentadbiran dan penguatkuasaan cukai akan terus dilaksanakan untuk menambah kutipan hasil serta mengurangkan pengelakan dan ketirisan cukai. Hasil dijangka meningkat dengan ketara, iaitu sebanyak 3.7% kepada RM147,093 juta berbanding tahun 2007 berikutan aktiviti ekonomi yang cergas, dengan hasil cukai meningkat 6.0% kepada RM101,995 juta. Kutipan cukai langsung dijangka meningkat 6.8% kepada RM74,915 juta sementara cukai tidak langsung bertambah 3.8% kepada RM27,080 juta. Pada masa yang sama, hasil bukan cukai yang sebahagian besarnya terdiri daripada pendapatan pelaburan, lesen dan permit, fi perkhidmatan serta terimaan daripada pensekuritian dijangka berkurang sebanyak 1.1% kepada RM45,098 juta.